



TERUS JADI IGAUAN: Shah Alam ditenggelami banjir pada 1996.

Fenomena air pasang besar

Pihak berkuasa, penduduk di kawasan rendah sekitar Pelabuhan Klang berjaga-jaga elak kejadian banjir 1999 berulang

Oleh Fazallah Pit

SHAH ALAM: Bukan seperti tsunami yang kedatangannya sukar diduga, fenomena air pasang besar dapat diramal lebih awal. Namun, ketepatan-nya kerap diragui, tetapi jika berlaku, banjir besar bakal melanda kawasan rendah dan sistem pengairan kurang sempurna.

Fenomena itu merujuk kepada air laut pasang secara mendadak dan mencapai ketinggian lebih lima meter. Parasnya berbeza mengikut lokasi, bergantung kepada perbezaan antara air laut pasang tertinggi dengan paras air surut terendah.

Pelabuhan Klang adalah lokasi yang perbezaan air pasang tertinggi dengan surut terendah paling tinggi iaitu enam meter manakala Geting, di Kelantan tiga meter.

Kejadian paling buruk berlaku akibat fenomena itu ialah pada 1999 apabila separuh daripada bandar Pelabuhan Klang ditenggelami air kira-kira satu meter.

Ia kerana fenomena itu disertai hujan lebat di darat. Apabila ini berlaku, air sungai yang penuh sukar mengalir ke laut ketika air pasang besar, mengakibatkan ia melimpah semula ke daratan.

Bagaimanapun, ia berbeza dengan November 2003 apabila fenomena itu diramal sebagai yang paling terburuk dalam tempoh 20 tahun, tetapi tidak berlaku. Ia mungkin kerana banyak per-

siapan diatur baik, khususnya benteng yang mengelilingi pantai diselenggara dan dibaiki sepenuhnya.

Ketika itu, detik cemas beberapa orang kenamaan menunggu detik air pasang mulai jam 6 pagi bertukar jena-ka apabila limpahan air hanya separas buku lali.

Mulai hari ini hingga 10 Oktober fenomena ini kembali dan memaksa pihak berkuasa dan penduduk berjaga-jaga dan tertanya-tanya sama ada peristiwa 1999 akan berulang.

Berdasarkan Buku Air Pasang Surut, air pasang laut dijangka bertambah tinggi pada tarikh berkenaan antara jam 5 hingga 7 pagi dengan ketinggian dijangka mencecah 5.6 hingga 6 meter. Penghulu Pulau Indah, Mohd Halil

“Kita cuma takut kalau hujan di Kuala Lumpur kerana air akan turun ke Selangor dan pada masa sama air laut pasang. Banjir kilat boleh berlaku dalam tempoh singkat”

Dr Mohamad Khir Toyo
Menteri Besar Selangor

Selamat, berkata paras kebanyakan benteng adalah 5.7 meter dan limpahan air mungkin berlaku jika paras air laut melebihi paras itu.

“Bagaimanapun, ia belum tentu menyebabkan banjir kerana limpahannya kecil. Sebaliknya, banjir mungkin berlaku jika ketika air pasang disertai hujan lebat,” katanya.

Bagaimanapun, beliau yang yakin semua benteng dalam keadaan baik, masih bimbang benteng sedia ada semakin rendah berikutan tanahnya mengalami hakisan.

Bagi menghadapi kemungkinan itu, Kerajaan Selangor sudah mengarahkan semua Pegawai Daerah dan Yang Dipertua pihak berkuasa tempatan (PBT) mengeluarkan amaran banjir segera jika berlaku banjir kilat.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata ia sebagai persiapan jika fenomena itu menyebabkan banjir kilat di kawasan rendah di Klang dan Shah Alam.

“Air laut dijangka pasang besar setinggi tujuh meter sepanjang dan hujan dijangka berlaku. Jika tidak hujan, tidak ada masalah,” katanya.

Kerajaan membuat beberapa persediaan menghadapi fenomena yang berlaku sejak tiga tahun kebelakangan ini termasuk memasang pintu air di kawasan berhampiran Stadium Shah Alam oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), selain kolam tadahan dan ban yang disenggara rapi.

FAKTA



Fenomena air pasang

Air pasang besar berlaku apabila kedudukan bumi selari dengan bulan dan matahari serta menjadi lebih buruk jika pertukaran monsun yang membawa hujan lebat dan angin kencang berlaku serentak.

Air Pasang Besar

Tarikh	Masa (pagi)	Ketinggian (meter)
6 Oktober	5.12	5.6
7 Oktober	5.54	5.9
8 Oktober	6.54	6.0
9 Oktober	7.08	5.9
10 Oktober	7.08	5.6

Air pasang besar 1999

- Mencapai ukuran 6.27 meter.
- Disertai angin kencang dan hujan lebat kira-kira jam 7 pagi.
- 20 kawasan di Klang dilanda banjir kilat.